

1978

CHANGLOON, 27 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, NEGARA ATAU PUNCA ASING SANGGUP MEMBERI PINJAMAN WANG KEPADA MALAYSIA KERANA MERKA TAHU KERAJAAN YANG ADA TIDAK PERNAH MENYALAHGUNAKAN WANG NEGARA.

DI SAMPING ITU MERKA JUGA BERANI MEMBERI PINJAMAN KERANA MALAYSIA MEMPUNYAI KEDUDUKAN EKONOMI YANG STABIL.

KATANYA KEADAAN EKONOMI YANG STABIL AKAN HANYA DAPAT DIJUJUKAN DENGAN ADANYA KESTABILAN POLITIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DI UPACARA PENYAMPAIAN BANTUAN KEPADA ENAM BUAH KOPERASI PELADANG BAGI DAERAH KUBANG PASU DAN PENDANG DI SINI HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN KERAJAAN MEMINJAM WANG DARI LUAR NEGERI UNTUK MENJAYAKAN BEBERAPA PROJEK PEMBANGUNAN YANG TERTENTU BAGI KEPENTINGAN SEMUA LAPISAN MASYARAKAT.

PINJAMAN TERSEBUT DIDAPATI DENGAN KADAR FAEDAH YANG RENDAH. — BERSAMBUNG 1415/A1

EE

B552:

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 2 CHANGLOON

KATANYA KERAJAAN AKAN TERUS MENGGIATKAN PELAKSANAAN PROJEK BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP SOSIO-EKONOMI PARA PETANI DI NEGARA INI.

KATANYA SELAIN DARI BANTUAN YANG DIBERIKAN KEPADA PETANI, KERAJAAN JUGA MENGADAKAN BEBERAPA SKIM BANTUAN KEPADA KAUM NELAYAN.

PARA PETANI DAN NELAYAN MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM USAHA MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA, KATANYA. ITULAH SEBABNYA KERAJAAN SENTIASA MENITIKBERATKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MERKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT TENTANG SEBILANGAN KECIL RAKYAT YANG MENDAPAT NIKMAT DARI HASIL PEMBANGUNAN TETAPI TELAH MENYALAHGUNAKAN KEMUDAHAN ITU.

ADA PULA ANTARA MERKA SEKARANG MENENTANG DAN +MENGGIGIT+ KERAJAAN SELEPAS MENDAPAT KEMUDAHAN DARI KERAJAAN.

BELIAU MENYERU AHLI-AHLI KOPERASI PELADANG YANG MENDAPAT BANTUAN ITU SUPAYA JANGAN MENYALAHGUNAKANNYA.

BANTUAN YANG DISAMPAIKANNYA TERMASUK LAPAN BUAH LORI, LIMA BUAH TREKTOR DUA RODA, 10 EKOR ANAK LEMBU, 1,690 KAMPIT BAJA DAN 400 ANAK POKOK MEMPELAM.

TURUT HADIR DI UPACARA ITU JALAH KETUA PENGARAH LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG, HAJI AHMAD SARJI ABDUL HAMID DAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, WAN SAID YUSOF. — BERNAMA 1420/A1